

Tingkat kecekapan khidmat sebelum naikkan cukai

PM tegaskan tatakelola sangat penting dalam kerangka pentadbiran

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Penjawat awam perlu meningkatkan kecekapan sistem perkhidmatan sebelum memikirkan untuk menaikkan cukai atau dan tarif terhadap rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata penjawat awam keseluruhannya perlu memikirkan adakah sistem yang diwarisi dan diguna pakai setakat ini cekap, selain adakah isu lain seperti rasuah, ketirisan dan penyeludupan sudah ditangani terlebih dahulu.

Beliau berkata, tatakelola sangat penting dalam kerangka pentadbiran negara dan ia berkait dengan pola pemikiran penjawat awam dalam memacu pembangunan.

Katanya, ia perlu didasari dengan nilai dan bukan perkara yang bersifat materialisme serta modal, seterusnya membuat keputusan yang bersesuaian.

“Baik, kita bayangkan belanjawan. Mengapa kita boleh berikan lebih kepada rakyat tanpa mengenakan cukai lebih.

“Kalau nak berikan yang lebih kepada rakyat, dia harus hasil yang lebih, bukan cukai. Tapi, ini juga mengingatkan tentang prinsip yang saya yakini begitu lama iaitu, sebelum kita fikir soal cukai, kita fikir soal kerja kita, pelaksanaan kita dan sistem yang kita warisi.



Anwar diiringi Dr Zaliha dan Shamsul Azri berbual bersama penjawat awam ketika perjumpaan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

“Apakah sistem itu cekap? Apakah kita dapat kawal ketirisan? Apakah kita kawal rasuah? Atau penyeludupan? Jadi, sebelum kita fikirkan soal cukai, kadang kadang membebankan rakyat, kita harus betulkan dulu kesilapan dalam pentadbiran kita,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha, Negara Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Perdana Menteri berkata, selama dua tahun pentadbiran ne-

gara diterajui, kerajaan berupaya menyelamatkan RM15.5 bilion melalui pembanteras aktiviti penyeludupan, ketirisan dan rasuah.

Berkhidmat dengan jujur

Katanya, ia hasil penguatkuasaan pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

“Yang saya tahu puluhan tahun lalu ada sindiket yang mengawal di pelabuhan.

“Tapi tak terlawan kita, kerana begitu lama dan tentunya sindiket ini tidak boleh hidup kalau tidak ada kaitan dia dengan badan penguatkuasaan dan pembesar dan mungkin Menteri dan Perdana Menteri,” katanya.

Perdana Menteri seterusnya

mengingatkan penjawat awam agar menanam tekad dan keazaman dalam diri masing-masing untuk berkhidmat dengan penuh kejujuran serta dedikasi demi masa depan negara.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, turut mengingatkan penjawat awam agar bekerja ber-sungguh-sungguh dan memastikan hasil pendapatan mereka diperolehi dengan cara halal.

Beliau berkata, penjawat awam juga perlu mengutamakan amanah kepada rakyat dalam setiap tanggungjawab yang digalas.

“Jangan harap orang lain, tetapi diri kita sendiri yang mesti ada tekad daripada pancaran keyakinan hati nurani.

“Kalau mahu pendapatan halal, kita kena kerja sebaik mungkin dan berkhidmatlah dengan sebaiknya,” katanya.